

Tinjauan Keseluruhan

Tumpuan utama pengurusan makroekonomi sejak bermulanya krisis kewangan yang melanda Asia Timur pada pertengahan 1997 ialah untuk mengembalikan keyakinan pelabur bagi menstabilkan pasaran kewangan dan juga mengukuhkan ketahanan ekonomi kepada risiko sistemik yang mungkin wujud kesan daripada krisis serantau. Kebimbangan pasaran, terutama berkaitan pertumbuhan kredit yang terlalu tinggi, pendedahan berlebihan sistem perbankan kepada sektor pembinaan dan pembelian saham, defisit akaun semasa imbalan pembayaran berikutan permintaan dalam negeri yang berlebihan, ketidakcukupan tabungan dalam negeri untuk membiayai pembentukan modal serta isu-isu pengurusan korporat dan ketelusan, perlu ditangani. Pada masa yang sama, tekanan inflasi akibat penyusutan nilai ringgit perlu dibendung, manakala ringgit perlu distabilkan dengan mengurangkan aliran keluar modal akibat tarikan kadar faedah yang lebih tinggi di luar negara. Oleh itu, pakej pemulihan ekonomi yang diumumkan pada suku keempat tahun 1997, termasuk semasa pembentangan Belanjawan 1998, adalah bertujuan untuk mengekalkan dasar kewangan dan fiskal yang ketat, di samping mengembalikan keyakinan pelabur dalam pasaran kewangan. Dasar kewangan dan fiskal yang ketat bertujuan untuk menangani defisit akaun semasa imbalan pembayaran, menggalakkan tabungan, memberi keutamaan kepada pelaburan prioriti dan mengukuhkan rizab luar negeri. Walau bagaimanapun, cabaran yang perlu ditangani dengan bijaksana ialah mengekalkan keseimbangan dasar kewangan dan fiskal yang ketat, supaya keyakinan pelabur dalam pasaran kewangan dapat dikembalikan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi yang sudahpun berkurangan kepada 6.9% pada suku keempat tahun 1997.

Walaupun bagaimanapun, adalah sukar untuk mengekalkan keseimbangan ini, memandangkan pergolakan pasaran kewangan serantau yang berterusan pada tahun 1998. Krisis kewangan serantau telah berlarutan dan menjadi semakin tenat berikutan perkembangan di Korea Selatan dan Indonesia serta kelemahan ekonomi Jepun dan susutan nilai yen Jepun yang berterusan. Ini menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan penurunan secara persaingan nilai mata wang-mata wang serantau yang lain, terutama yuan China dan dolar Hong Kong SAR. Keadaan ini diburukkan lagi dengan perkembangan di Russia, menjadikan krisis kewangan ini satu fenomena global pada akhir Ogos 1998. Semua perkembangan ini menurunkan harga aset dan nilai mata wang serantau dan membawa kesan kuncupan ke atas ekonomi serantau.

Malaysia, yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, juga ditimpa kesan penularan atau 'contagion' krisis kewangan serantau ini. Berikutan penguncupan permintaan dalam negeri, yang sebahagiannya disebabkan dasar kewangan yang ketat dan eksport yang kurang menggalakkan terutama dari Asia Timur, KDNK benar menguncup sebanyak 2.8% pada suku pertama dan 6.8% pada suku kedua tahun 1998. Kuncupan ekonomi benar yang ketara ini adalah di luar jangkaan. Walau bagaimanapun, penguncupan permintaan dalam negeri ini membolehkan akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan lebihan yang besar, iaitu sebanyak RM15 bilion dalam separuh pertama tahun 1998, lebihan pertama kali sejak 1989. Berikutan permintaan dalam negeri yang lembap, tekanan inflasi adalah lebih sederhana daripada yang dijangkakan sebelumnya.

Memandangkan perubahan persekitaran ekonomi ini, tumpuan pengurusan makroekonomi pada tahun 1998 perlu diubahsuai, bertujuan untuk

memulihkan semula pertumbuhan ekonomi dan mengelakkan ekonomi dari terjerumus dalam kemelesetan yang berpanjangan. Penyesuaian pengurusan ekonomi menuntut dilonggarkan dasar kewangan dan fiskal yang ketat yang diamalkan sebelum ini. Perubahan tumpuan dasar ini penting memandangkan kegiatan ekonomi perlu dicergaskan semula melalui pelonggaran dasar kewangan dan pelaksanaan dorongan fiskal. Ini bertujuan mengelakkan ekonomi dari mengalami kemelesetan yang lebih teruk yang boleh memudaratkan sektor korporat dan sistem perbankan, di samping melindungi kedudukan sosio-ekonomi rakyat, terutama kumpulan berpendapatan rendah. Pada masa yang sama, langkah-langkah tambahan perlu dilaksanakan untuk menyokong langkah-langkah yang telah diambil terdahulu bagi mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi, terutamanya kestabilan sistemik sektor perbankan, agar negara lebih berdaya tahan dalam menangani krisis kewangan semasa.

Justeru itu, beberapa langkah tambahan telah diperkenalkan dalam tahun 1998. Ini termasuk penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara pada 7 Januari 1998 sebagai badan perundingan kepada Jemaah Menteri untuk menangani masalah ekonomi negara, khususnya memberi nasihat kepada Kerajaan bagi memulihkan ekonomi dan mengelakkannya daripada terjerumus dalam kemelesetan. Justeru, Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah mengemukakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara pada 21 Julai 1998, yang mana perakuan-perakuan terkandung di dalamnya telah dipersetujui oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Inisiatif lain termasuk dorongan fiskal dan juga langkah-langkah untuk menangani masalah hutang tidak berbayar dan permodalan semula sistem perbankan yang telah diumumkan pada bulan Julai 1998. Inisiatif-inisiatif ini adalah selari dengan perakuan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Di samping itu, langkah-langkah tambahan telah diperkenalkan pada bulan September 1998 yang, antara lain, bertujuan untuk membendung ekonomi negara dari terjejas oleh kesan penularan krisis kewangan serantau.

Memandangkan masalah yang melanda ekonomi negara berpunca dari kesan penularan krisis kewangan serantau, penyelesaian kepada masalah ini adalah di luar kawalan negara. Justeru, Malaysia dan lain-lain negara ASEAN telah memulakan beberapa inisiatif kerjasama bagi menangani krisis ini. Ini termasuk kerjasama peraturan kewangan

di bawah *Rangka Kerja Manila*. Walau bagaimanapun, penyelesaian terhadap krisis kewangan serantau memerlukan kerjasama antarabangsa untuk menangani kelemahan sistem kewangan antarabangsa semasa yang telah gagal menghindar keherotan pasaran akibat aktiviti spekulasi. Dalam berbagai forum antarabangsa, Malaysia telah mengutarakan pandangan bagi memperbaiki sistem kewangan antarabangsa dan ketelusan dalam urus niaga mata wang antarabangsa bagi menangani krisis kewangan serantau.

Malangnya, masyarakat antarabangsa tidak mengambil tindakan berkesan untuk menangani risiko dan cabaran berkaitan dengan liberalisasi dan globalisasi persekitaran kewangan. Ekoran ini, krisis kewangan serantau menjadi lebih tenat pada akhir bulan Ogos 1998 dan merebak kepada benua-benua lain. Beberapa ekonomi, seperti Hong Kong SAR dan Taiwan, cuba menstabilkan pasaran kewangan mereka secara persendirian. Malaysia juga telah memperkenalkan beberapa langkah untuk menstabilkan pasaran kewangan, terutamanya dengan mengukuhkan ketahanan sektor kewangan terhadap risiko-risiko yang mungkin muncul dan mengembalikan keyakinan pelabur, sementara mengekalkan rejim pertukaran asing yang liberal. Walau bagaimanapun, usaha-usaha persendirian ini tidak dapat menstabilkan pasaran kewangan.

Memandangkan krisis kewangan global yang meruncing boleh membawa kesan buruk ke atas sistem kewangan dan ekonomi negara melalui kesan penularan, maka tindakan perlu diambil bagi melindungi negara daripada kesan ini. Justeru, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memperkenalkan beberapa langkah untuk memastikan pasaran yang teratur dan adil dalam urusniaga sekuriti Malaysia dan juga untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam pasaran modal Malaysia. Langkah-langkah ini, berkuatkuasa 1 September 1998, antara lain, memerlukan semua urusan sekuriti yang disenaraikan di BSKL hanya boleh diurusniagakan melalui BSKL atau melalui bursa saham yang diiktiraf oleh BSKL. Langkah-langkah ini adalah selaras dengan matlamat Pelan Pemulihan Ekonomi Negara bagi memulihkan keyakinan pasaran. Berkuatkuasa pada tarikh yang sama, beberapa langkah kawalan modal telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Kesemua langkah-langkah ini bertujuan membendung ekonomi daripada risiko berpunca dari kegawatan pasaran

kewangan global serta bertujuan untuk meningkatkan kebebasan negara dalam melaksanakan dasar kewangan bagi mencergaskan ekonomi benar, termasuk menerusi kadar faedah. Tumpuan langkah-langkah ini ialah membendung spekulasi ke atas ringgit dengan memansuhkan kemudahan memperolehi dana ringgit di pasaran luar pesisir dan meminimumkan kesan aliran keluar modal jangka masa pendek ke atas ekonomi negara.

Pengubahsuaian Dasar Kewangan Bagi Memulihkan Pertumbuhan Ekonomi

Dasar kewangan ketat yang diamalkan sejak tahun 1997 terus dikekalkan pada awal tahun 1998. Pada keseluruhannya, ia bertujuan membendung kadar inflasi berikutan penyusutan nilai ringgit dan tekanan permintaan serta bertujuan untuk menstabilkan pasaran kewangan, termasuk kadar pertukaran ringgit. Oleh itu, kadar faedah telah di ubahsui bagi membendung tekanan harga dan untuk memastikan kadar pulangan benar yang positif bagi para penabung dan, pada masa yang sama, menstabilkan kadar pertukaran ringgit dengan membendung aliran keluar dana. Dalam melaksanakan dasar kewangan yang ketat, dasar ini perlu dilaksanakan secara fleksibel, memandangkan persekitaran luaran yang tidak menentu. Sementara pertumbuhan kredit perlu dikurangkan kepada 15% pada akhir 1998, memandangkan paras ini dianggap berhemat dan konsisten dengan kedudukan makroekonomi, adalah juga perlu dipastikan aktiviti-aktiviti yang produktif dapat terus menerima pembiayaan yang mencukupi, terutamanya dalam persekitaran ekonomi yang lembap. Oleh demikian, institusi perbankan yang mempunyai keupayaan memberi pinjaman telah diberi kelonggaran untuk terus memberi pembiayaan sokongan dan modal kerja untuk aktiviti-aktiviti produktif termasuk industri berasaskan eksport. Di samping itu, berkuatkuasa 16 Februari 1998, nisbah rizab berkanun (*Statutory Reserve Requirements (SRR)*) bagi bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan telah dikurangkan daripada 13.5% kepada 10% daripada liabiliti mereka. Langkah ini bertujuan mempertingkatkan kecekapan proses perantaraan dan pengagihan mudah tunai di antara institusi perbankan dan, justeru, meningkatkan keupayaan institusi perbankan memberi pinjaman. Pengurangan SRR daripada 13.5% kepada 10% telah menyalurkan lebih kurang RM14 bilion

mudah tunai kepada institusi perbankan. Ini diikuti pengurangan pinjaman bank pusat kepada pasaran antara bank secara serentak, memandangkan dasar kewangan ketat ketika itu perlu diteruskan memandangkan kadar inflasi yang terus meningkat pada awal tahun 1998.

Walau bagaimanapun, adalah jelas, berdasarkan perangkaan makroekonomi yang terkini, krisis kewangan serantau telah mendatangkan kesan penguncupan yang lebih teruk kepada ekonomi Malaysia daripada apa yang dijangkakan. KDNK benar menguncup sebanyak 2.8% dalam tempoh suku pertama dan 6.8% pada suku kedua tahun 1998. Pada masa yang sama, penawaran wang dan pertumbuhan kredit berkurangan dengan ketara daripada yang diramalkan. Pertumbuhan M3 berkurangan daripada 21.8% pada akhir bulan Jun 1997 kepada 4.3% pada akhir bulan Ogos 1998 (berbanding jangkaan awal pertumbuhan sebanyak 12%), manakala pertumbuhan kredit daripada 30.4% kepada 7.5% bagi tempoh yang sama (berbanding dengan sasaran pertumbuhan awal sebanyak 15% bagi akhir tahun 1998). Dengan tiadanya tekanan permintaan, kadar inflasi telah berkurangan daripada 6.2% pada bulan Jun 1998 kepada 5.6% pada bulan Ogos 1998, dengan kadar purata sebanyak 5.2% bagi lapan bulan pertama tahun 1998. Ini adalah jauh lebih rendah daripada 7% - 8% yang diramalkan sebelumnya bagi keseluruhan tahun 1998. Dengan perubahan-perubahan persekitaran makroekonomi ini, dasar kewangan perlu dilonggarkan untuk memulihkan ekonomi serta memastikan ianya tidak terperangkap dalam kitaran kemelesetan yang berterusan.

Justeru itu, kadar SRR telah diturunkan secara beransur daripada 10% kepada 8% pada 1 Julai 1998 dan kemudiannya kepada 6% pada 1 September 1998 dan 4% berkuatkuasa 16 September 1998. Penurunan SRR adalah bertujuan mengurangkan kos dana institusi perbankan dan menambah mudah tainya, justeru, mempertingkatkan keupayaan institusi perbankan dalam menyediakan pembiayaan bagi memulihkan ekonomi. Pada masa yang sama, kadar campur tangan 3 bulan Bank Negara Malaysia (BNM) telah dikurangkan daripada 11% kepada 10.5% pada 3 Ogos, 10% pada 10 Ogos, 9.5% pada 28 Ogos, 8% pada 3 September dan kepada 7.5% pada 5 Oktober. Bank perdagangan juga tidak perlu mengekalkan jumlah dana bersamaan baki vostro institusi perbankan asing dengan BNM

berkuatkuasa pada 3 September 1998. Bagi memastikan perubahan dasar kewangan memberi kesan segera kepada kadar faedah, kaedah pengiraan Kadar Pinjaman Asas (*Base Lending Rate* (BLR)) telah disemak semula. Pengiraan sekarang adalah berasaskan kepada kadar campuran 3 bulan BNM dan bukan lagi KLIBOR, manakala margin pentadbiran institusi kewangan yang dibenarkan bagi pengiraan BLR telah dikurangkan kepada 2.25% daripada 2.50%. Ini diikuti dengan penurunan nisbah keperluan mudah tunai aset bank perdagangan yang diwajibkan daripada 17% kepada 15% daripada liabiliti bermula pada 3 September 1998. Di samping itu, institusi perbankan dikehendaki mengurangkan margin maksimum ke atas BLR yang disebut kepada 2.5 mata peratusan daripada 4 mata peratusan bermula daripada 1 Oktober 1998. Institusi perbankan yang ditafsir oleh BNM sebagai bersedia untuk melaksanakan rangka mudah tunai baru dibenarkan melaksanakan rangka baru ini. Kesemua langkah-langkah ini mempunyai kesan menyeluruh bagi melegakan mudah tunai dan kos pegangan aset mudah tunai di dalam sistem perbankan dan membolehkan lebih banyak dana digunakan bagi memberi pinjaman pada kadar faedah yang lebih rendah.

Pada masa yang sama, institusi perbankan dikehendaki mencapai sasaran pertumbuhan kredit sekurang-kurangnya 8% menjelang akhir tahun 1998. Ini adalah untuk memastikan dana yang mencukupi untuk memulihkan ekonomi negara. Dalam hal ini, institusi perbankan dinasihatkan supaya mengekalkan semula aliran kredit yang telah ditarik balik menjelang akhir tahun 1997. Di samping itu, pinjaman bagi pembinaan atau pembelian hartanah kediaman berharga RM250,000 dan ke bawah, seperti juga infrastruktur, telah diberi pengecualian daripada had yang dikenakan ke atas pinjaman sebanyak 20% untuk sektor hartanah. Ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha untuk memulihkan sektor pembinaan yang telah menguncup dengan ketara. Langkah yang dikenakan sebelum ini bertujuan mengetatkan pinjaman sewa-beli kenderaan bagi kenderaan penumpang juga telah dimansuhkan, dengan tiada sekatan dikenakan bagi tempoh pembayaran balik, manakala margin pembiayaan telah dinaikkan daripada 70% kepada 85% daripada harga pembelian kenderaan penumpang. Dengan mengambil kira keperluan bagi sesetengah sektor ekonomi mendapat pembiayaan pada kadar faedah yang lebih rendah daripada kadar pasaran, beberapa dana telah

ditubuhkan atau dipertingkatkan. Ini termasuk Dana Industri Kecil dan Sederhana (RM1.5 bilion), kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport (RM3 bilion), Dana Khas Skim Perumahan Kos Rendah dan Sederhana (RM2 bilion) dan Dana Untuk Makanan (RM1 bilion). Sebagai langkah tambahan, satu unit khas, dikenali sebagai Unit Pengawasan dan Aduan Pinjaman telah ditubuhkan di BNM bagi menerima aduan dan membantu para peminjam yang mempunyai masalah kesukaran memperoleh pinjaman bagi operasi mereka; bertindak sebagai urusetia bagi Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat dan menjalankan proses mengenal pasti senarai projek-projek yang berdaya maju dan seterusnya merujuk para peminjam kepada institusi tertentu yang boleh memberi pinjaman kepada mereka.

Bagi memastikan Malaysia berdaya mengurus dasar kewangan yang dapat membantu mendorong pemulihan ekonomi negara, ekonomi negara perlu dibendung daripada risiko-risiko yang berpunca daripada persekitaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu dan keadaan ekonomi dunia yang mungkin terus merosot. Pada hakikatnya, Malaysia perlu mempunyai kebebasan dalam melaksanakan dasar-dasar dalam negeri yang bersesuaian dengan negara ini untuk memastikan prospek pemulihan ekonomi dapat dipertingkatkan tanpa terjejas oleh ancaman luar. Berikutan dengan itu, berkuatkuasa pada 1 September 1998, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa peraturan kawalan modal baru terpilih bagi mewujudkan satu rejim kadar pertukaran yang stabil dan, justeru itu, harga dalam negeri yang stabil, serta melindungi ekonomi negara daripada kesan negatif perkembangan global. Pada pokoknya, langkah-langkah ini menghapuskan laluan para spekulator kepada pasaran ringgit di luar pesisir dan membawa balik pasaran ringgit ke Malaysia. Perubahan utama peraturan kawalan modal ini adalah seperti berikut:

- **Akaun Luaran:** Pengesahan dikehendaki bagi pemindahan dana di antara Akaun Luaran. Pengeluaran ringgit daripada Akaun Luaran, selain daripada yang dibenarkan, memerlukan kelulusan.
- **Kebenaran Depositari:** Semua pembelian dan penjualan aset kewangan ringgit hanya boleh diurusniaga menerusi institusi depositari yang disahkan sahaja.

- **Penyelesaian Perdagangan:** Semua penyelesaian eksport dan import perlu dibuat dalam matawang asing.

- **Mata wang Pengembara:** Berkuatkuasa 1 Oktober 1998, pengembara dibenarkan untuk mengimport atau eksport matawang ringgit tidak melebihi RM1,000 seorang. Tiada had dikenakan ke atas pengimportan matawang asing oleh pemastautin dan pengembara bukan pemastautin. Pengeksportan matawang asing oleh pengembara pemastautin adalah dibenarkan, maksimum bersamaan sebanyak RM10,000. Jumlah melebihi had perlu mendapat kelulusan BNM. Pengeksportan matawang asing oleh pengembara bukan pemastautin adalah dibenarkan tetapi hanya setakat jumlah yang dibawa masuk.

Langkah-langkah baru ini tidak akan menjejaskan operasi perniagaan para pedagang dan para pelabur dan pengendalian aktiviti ekonomi harian. Penukaran biasa urusan niaga akaun semasa serta kebebasan aliran pelaburan asing langsung dan penghantaran keluar keuntungan, dividen dan keuntungan modal tidak terjejas dengan langkah-langkah baru ini. Kawalan modal ini ditujukan terutamanya kepada manipulator matawang dan membawa balik pasaran ringgit ke Malaysia. Berikutan pengenalan langkah baru ini, kadar pertukaran bagi ringgit telah ditetapkan pada RM1=AS\$0.2632 berkuatkuasa pada 2 September 1998. Ini menghapuskan keperluan '*hedging*' bagi melindungi risiko berkaitan dengan pergerakan ringgit dan, dengan ini, kos berkaitan dapat dikurangkan oleh sektor korporat.

Memperkuatkan Daya Tahan Sistem Perbankan

Apabila krisis kewangan tercetus pada pertengahan tahun 1997, antara kebimbangan utama pasaran ialah pertumbuhan kredit sistem perbankan yang pesat. Misalnya, pada akhir Ogos 1997 ianya pada tahap 28.6%, iaitu melebihi kadar pertumbuhan tahunan nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara, iaitu 10.4%. Justeru, pinjaman bank terkumpul telah meningkat kepada 160% daripada KNK nominal, yang telah ditafsirkan oleh pasaran bahawa aktiviti ekonomi negara telah dibiayai oleh pinjaman yang keterlaluan. Perkara ini, berserta pendedahan berlebihan sistem perbankan kepada sektor

pembinaan dan pembelian saham yang berjumlah 40% daripada keseluruhan pinjaman terkumpul, telah menimbulkan persoalan berkaitan dengan kestabilan sistemik sistem perbankan negara. Dalam keadaan harga aset yang merudum, hutang tidak berbayar sistem perbankan dijangka meningkat dan menjejaskan kekukuhan sistem perbankan. Krisis perbankan di Thailand, Korea Selatan dan Indonesia memburukkan lagi keraguan tentang kestabilan sistem perbankan negara, sungguhpun sistem perbankan Malaysia berada pada kedudukan terkukuh ketika krisis kewangan melanda rantau ini. Tahap hutang tidak berbayar adalah rendah, iaitu pada 3.6% daripada keseluruhan pinjaman, sementara nisbah modal risiko berwajaran berada pada 11.8%, iaitu melebihi piawaian antarabangsa sebanyak 8%, pada akhir Jun 1997. Pertumbuhan kredit yang pesat, ketika nilai ringgit susut secara ketara, telah menimbulkan kebimbangan mengenai tekanan inflasi yang mungkin berlaku. Justeru, pendapat ketika itu ialah sistem perbankan perlu menghadkan pertumbuhan kredit kepada tahap yang lebih sejajar dengan pertumbuhan ekonomi sebenar. Ini dilaksanakan melalui pengurangan pendedahan sistem perbankan kepada sektor-sektor yang kurang prioriti terutamanya sektor pembinaan yang telahpun ketika itu mengalami penawaran berlebihan di beberapa segmen pasaran harta tanah, di samping pembelian saham dan kredit penggunaan. Pada masa yang sama, institusi perbankan telah terus digalakkan untuk memberi pinjaman kepada sektor-sektor produktif.

Berikutan itu, pada 20 Oktober 1997 BNM telah mengarahkan semua institusi perbankan mengemukakan pelan kredit mereka bagi dua bulan terakhir tahun 1997 dan tahun 1998. Pelan kredit ini menggariskan strategi institusi perbankan bagi pertumbuhan pinjaman berasaskan prinsip pengurusan aset-tanggungan berhemat. Berdasarkan jangkaan yang dikemukakan oleh institusi perbankan, pertumbuhan pinjaman tahunan dijangka semakin perlahan kepada 25% pada akhir tahun 1997, 20% pada akhir suku pertama tahun 1998 dan 15% pada akhir tahun 1998.

Beberapa langkah telah dilaksanakan pada awal tahun 1998, sebagai tambahan kepada pelan kredit. Langkah-langkah ini dikaitkan dengan piawaian berhemat institusi perbankan tempatan, agar ianya selari dengan piawaian antarabangsa. Perubahan yang telah dibuat berkaitan dengan rangka kerja

penyeliaan dan pemantauan sistem perbankan adalah seperti berikut:

- (i) berkuatkuasa tahun kewangan yang bermula pada 1 Januari 1998, tempoh penafsiran hutang tidak berbayar institusi perbankan dikurangkan daripada enam bulan kepada tiga bulan. Justeru, kemudahan kredit akan diklasifikasikan sebagai hutang tidak berbayar apabila bayaran balik pokok atau faedah tidak dijelaskan dalam tempoh tiga bulan. Ini adalah untuk memudahkan pengesanan dan pemantauan pinjaman bermasalah, selari dengan piawaian antarabangsa;
- (ii) berkuatkuasa dari tahun kewangan yang bermula dari 1 Januari 1998, institusi perbankan diarahkan untuk mengekalkan peruntukan am bagi hutang lapuk dan hutang ragu pada tahap sekurang-kurangnya 1.5% daripada jumlah pinjaman mereka, selepas ditolak peruntukan khas dan faedah tergantung.
- (iii) Berkuatkuasa 17 Oktober 1997, BNM meningkatkan lagi tahap ketelusan penyata kewangan tahunan institusi perbankan. Maklumat tambahan yang perlu diketengahkan adalah seperti berikut:
 - Jumlah hutang tidak berbayar dan nisbah hutang tidak berbayar berbanding dengan jumlah pinjaman;
 - Pinjaman dan pembiayaan mengikut industri atau sektor ekonomi;
 - Pergerakan dalam peruntukan khas dan peruntukan am bagi hutang lapuk dan hutang ragu serta pergerakan dalam akaun faedah tergantung;
 - Pelan dan strategi perniagaan institusi perbankan bagi tahun kewangan berkaitan serta jangkaan untuk tahun kewangan yang berikutnya perlu dikemukakan dalam laporan Pengarah oleh agensi luaran;
 - Satu kenyataan samada institusi perbankan itu telah ditarafkan. Jika institusi perbankan telah ditarafkan, ianya harus mengumumkan taraf yang diberi, nama agensi penarafan tersebut, bila penarafan dibuat dan klasifikasi penarafan; dan

- Komponen modal Kumpulan-I dan Kumpulan II serta jumlah aset wajaran risiko dalam pelbagai kategori wajaran risiko.

- (iv) Kesemua institusi perbankan akan tertakluk kepada penyeliaan yang intensif dan rapi, termasuk ujian tekanan bulanan berkaitan kedudukan mereka. Institusi perbankan digalakkan untuk membuat ujian persendirian yang serupa. Seterusnya, institusi perbankan diwajibkan mengambil langkah-langkah pembetulan sebelum tambahan modal diperlukan. Langkah-langkah tersebut termasuk meningkatkan peruntukan serta menghadkan pertumbuhan kredit dan pembayaran dividen. Institusi perbankan juga diwajibkan mengemukakan pelan yang kukuh untuk memperolehi modal tambahan dalam tempoh yang tertentu jika terdapat risiko yang institusi tersebut mungkin tidak dapat mematuhi nisbah kecukupan modal minimum sebanyak 8%.
- (v) Institusi perbankan diwajibkan menerbitkan maklumat berkaitan petunjuk-petunjuk penting kekukuhan kewangan, termasuk kecukupan modal dan hutang tidak berbayar pada setiap suku tahun kewangan, tidak lewat daripada enam minggu selepas tamatnya suku tahun kewangan tersebut. Pengumuman maklumat tersebut adalah sebagai tambahan kepada penyata bulanan BNM berkaitan kecukupan modal, hutang tidak berbayar dan tahap peruntukan bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar.
- (vi) Piawaian klasifikasi pinjaman dan peruntukan akan diselarikan dengan amalan antarabangsa. Berkuatkuasa tahun kewangan 1998, pengamalan peruntukan khas sebanyak 20% berbanding bahagian pinjaman 'sub-standard' yang tidak dicagarkan akan menjadi keperluan piawaian bagi kesemua institusi perbankan.
- (vii) Institusi perbankan diwajibkan mencapai nisbah modal berwajaran risiko disatukan yang minimum sebanyak 8% pada setiap suku tahun. Nisbah modal berwajaran risiko minimum bagi syarikat kewangan akan dinaikkan secara beransur-ansur daripada tahap semasa sebanyak 8% kepada 10%

menjelang akhir tahun 1999, dengan nisbah perantaraan sebanyak 9% dicapai menjelang akhir tahun 1998. Langkah ini adalah untuk memastikan modal syarikat kewangan adalah mencukupi memandangkan profil risiko yang lebih tinggi bagi perniagaan mereka.

- (viii) Untuk memperluaskan rangka kerja kecukupan modal semasa dengan mengambilkira risiko pasaran;
- (ix) Dana modal minimum bagi syarikat kewangan akan ditambah daripada RM5 juta kepada RM300 juta pada akhir Jun 1999 dan RM600 juta pada akhir tahun 2000. Dengan ini, nisbah modal risiko berwajaran minimum serta dana modal bank perdagangan dan bank saudagar juga akan dikaji semula;
- (x) Had pendedahan bagi seorang pelanggan dikurangkan dari 30% ke 25% daripada jumlah modal, dan institusi perbankan perlu mematuhi had bagi seseorang pelanggan secara keseluruhan.

BNM telah mendorong penggabungan syarikat kewangan bagi mempercepatkan penyatuan industri syarikat kewangan sebagai satu strategi untuk memperkukuhkan sistem perbankan. Ini bertujuan mengurangkan bilangan syarikat kewangan, memperbesarkan dan mengukuhkannya demi menikmati ekonomi skala. Program penggabungan telah dilaksanakan dengan telus, iaitu berasaskan prinsip-prinsip pasaran supaya penilaian aset adalah adil bagi semua pihak yang terlibat. Tambahan pula, audit terperinci oleh syarikat perakaunan yang diiktiraf perlu diambil kira kemungkinan kemerosotan nilai aset bagi keseluruhan 1998. Tindakan penggabungan ini akan dilaksanakan dalam bentuk berikut: (i) penggabungan syarikat-syarikat kewangan yang kecil dengan enam buah syarikat kewangan utama yang telah dikenalpasti; (ii) penyerapan oleh bank-bank perdagangan induknya; dan (iii) perikatan strategik. Setakat ini, penyatuan industri syarikat kewangan adalah dalam fasa penyelesaian terakhir. Sebagai langkah tambahan untuk memupuk keyakinan terhadap sistem perbankan, Kerajaan telah menjamin bahawa kepentingan para penyimpan deposit dengan sistem perbankan tidak terjejas.

Namun begitu, pada suku kedua serta awal suku ketiga 1998, ternyata bahawa pertumbuhan

kredit telah berkurangan dengan lebih ketara daripada yang dijangkakan di dalam pelan kredit yang digubal sebelumnya. Pertumbuhan kredit yang berkurangan dengan ketara dari 30.4% pada akhir Jun 1997 kepada 8.8% pada akhir Julai 1998 adalah tidak diingini. Keadaan ini mencerminkan penguncupan sektor ekonomi benar yang telah menjejaskan kedudukan mudah tunai sesetengah institusi perbankan, persekitaran ekonomi yang tidak menentu serta kadar faedah tinggi yang tidak menggalakkan pinjaman, dan juga keengganan sesetengah institusi perbankan untuk memberi pinjaman kerana terlalu bimbang mengenai kedudukan penyata kewangan mereka. Sekiranya pertumbuhan kredit yang semakin perlahan berlarutan, pertumbuhan pinjaman tahunan sistem perbankan dijangka berada di antara 3% ke 4% pada akhir 1998. Memandangkan perkembangan ini dan keperluannya aktiviti-aktiviti ekonomi yang produktif terus menerima pembiayaan yang mencukupi, institusi perbankan yang berkeupayaan memberi pinjaman telah dibenarkan memberi pinjaman melebihi had kredit masing-masing secara berhemat. Kelonggaran juga diberi berkaitan kredit bagi sewa beli serta sektor hartanah. Institusi perbankan juga diminta mencapai pertumbuhan kredit sekurang-kurangnya 8% menjelang akhir tahun 1998. Kelonggaran-kelonggaran ini telah diberikan dalam separuh kedua tahun 1998 bagi memastikan dana yang mencukupi untuk mendorong pertumbuhan ekonomi tanpa menjejaskan kestabilan makroekonomi serta kekukuhan sistemik sistem perbankan.

Bagi memperkukuhkan lagi sistem perbankan serta memastikan sistem perbankan dapat terus memainkan peranan berkesan dalam mendorong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara, Kerajaan telah menubuhkan satu badan pengurusan aset dikenali sebagai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) dan Danamodal pada Julai 1998. Dengan peruntukan awal sebanyak RM2.5 bilion dari Kerajaan, Danaharta akan membeli, mengurus dan menjual hutang tidak berbayar sistem perbankan. Ini bertujuan memastikan jumlah hutang tidak terbayar kekal pada paras yang mampu ditanggung oleh sistem perbankan serta menambahkan dana institusi perbankan memberi lebih banyak lagi kredit untuk mencergaskan aktiviti ekonomi.

Bagi melengkapi Danaharta, Kerajaan telah menubuhkan Danamodal, bertujuan untuk menerajui pemulihan pemodal semula sistem perbankan. Penubuhan Danamodal adalah penting

kerana terdapat beberapa institusi perbankan yang memerlukan permodalan semula walaupun nisbah modal risiko berwajaran sistem perbankan secara keseluruhan adalah tinggi, iaitu lebih dari 11%. Selain daripada itu, keupayaan pemegang saham institusi perbankan untuk meningkatkan modal melalui usaha-usaha sendiri adalah terhad dalam keadaan ekonomi semasa. Selain daripada mengukuhkan sistem perbankan melalui permodalan semula, Danamodal juga menjadi pemangkin yang akan menyatukan sistem perbankan serta mempercepatkan pengwujudan satu kumpulan bank tempatan yang kukuh yang berdaya menerajui pembangunan sistem perbankan.

Untuk membiayai operasinya, Danaharta akan menerbitkan bon 5 tahun yang pada awalnya akan dibeli oleh semua institusi perbankan. Bon ini akan menjanakan pulangan yang setanding dengan kadar pulangan semasa Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun semasa bon ini diterbitkan.

Penurunan SRR serta kadar campur tangan BNM baru-baru ini dalam keadaan pertumbuhan kredit yang perlahan juga akan membantu memperkukuhkan sistem perbankan. Penurunan BLR akan mengurangkan kos pembiayaan sektor korporat. Ini akan meningkatkan keuntungan syarikat serta keupayaan sektor korporat membayar hutang. Dengan ini, hutang tidak berbayar sistem perbankan akan dapat dikurangkan.

Adalah diperhatikan bahawa pengurangan pertumbuhan kredit yang ketara daripada yang dijangka pada tahun 1998 sebahagiannya disebabkan oleh reaksi institusi perbankan yang keterlaluan dalam membendung pinjaman mereka, kerana kebimbangan terhadap penyata kewangan mereka. Pengurangan ketara dalam pertumbuhan kredit juga disebabkan oleh piawaian peraturan berhemat yang terlalu ketat yang telah diperkenalkan terdahulu. Sekiranya pertumbuhan kredit yang semakin perlahan dibiarkan, keadaan ini mungkin akan menguncupkan lagi ekonomi benar negara kerana kesukaran sektor swasta mendapatkan pinjaman bagi membiayai aktiviti-aktiviti ekonomi yang berdaya maju. Memandangkan kekukuhan sistem perbankan bergantung kepada persekitaran ekonomi yang kukuh dan stabil, peranan sistem perbankan dalam menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi melalui

proses perantaraan adalah dianggap kritikal. Bagi memastikan sistem perbankan memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memulihkan ekonomi, Kerajaan telah kaji semula langkah-langkah yang dilaksanakan sebelum ini. Oleh itu, pada 23 September 1998, BNM telah melaksanakan langkah-langkah berikut yang berkuatkuasa mulai tahun kewangan bermula 1 Januari 1998:

- (i) Tempoh klasifikasi hutang tidak berbayar institusi perbankan ditingkatkan dari tiga bulan kepada enam bulan. Dengan ini, keputusan sebelum ini untuk mengurangkan tempoh klasifikasi hutang tidak berbayar dari enam bulan kepada tiga bulan ditarik balik;
- (ii) Institusi perbankan tidak lagi diwajibkan untuk menyediakan peruntukan khas ke atas pinjaman 'sub-standard' sebanyak 20%. Jumlah peruntukan kepada pinjaman 'sub-standard' akan dinilai bagi setiap institusi perbankan oleh BNM semasa meluluskan akaun separuh tahun dan setiap tahun. Jumlah peruntukan yang diperlukan adalah bergantung kepada kecukupan perlindungan kerugian pinjaman oleh institusi perbankan terbabit; dan
- (iii) Bagi pinjaman tidak berbayar yang telah disusun semula, pinjaman-pinjaman tersebut boleh diklasifikasikan semula sebagai pinjaman tidak berbayar bila bayaran balik di bawah syarat-syarat penyusunan semula dipatuhi dalam tempoh enam bulan berturut-turut, berbanding dengan amalan sebelumnya yang memerlukan dua belas bulan bayaran berturut-turut.

Selain itu, berkuatkuasa serta merta, had pinjaman pembelian saham dan unit amanah ditingkatkan daripada 15% kepada 20% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank perdagangan dan syarikat kewangan. Namun begitu, bagi bank saudagar, had ini dikekalkan pada kadar 30%. Bagi memastikan pembiayaan yang berterusan untuk perniagaan dan projek yang berdaya maju, institusi perbankan telah diarahkan supaya tidak menarik balik kemudahan dari para pelanggannya semata-mata berdasarkan kepada masalah pelanggan berkenaan dengan institusi perbankan lain.

Perubahan-perubahan dasar yang diperkenalkan pada 23 September 1998 tidak akan menjejaskan kekukuhan sistem perbankan, memandangkan hutang tidak berbayar bersih sistem perbankan adalah dilindungi lebih daripada 150%. Dengan demikian, selain dari menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi, langkah-langkah baru ini juga dijangka akan terus dapat memperkukuhkan sistem perbankan, selaras dengan pemulihan ekonomi Malaysia.

Mempertingkatkan Ketelusan Bursa Saham

Sebagai usaha yang berterusan untuk memperkukuhkan industri sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur telah memperkenalkan beberapa langkah baru untuk mempertingkatkan ketelusan pasaran saham. Langkah-langkah baru ini dibentuk melalui perubahan peraturan dan tatacara Bursa, rumah penjelasannya 'Securities Clearing Automated Network Services Sdn. Bhd (SCANS) dan Depositori pusat (CDS) – Malaysian Central Depository Sdn. Bhd (MCD). Perubahan dan pindaan yang berkuatkuasa mulai 1 September 1998 adalah seperti berikut:

(a) Dagangan Sekuriti Yang Disenaraikan

- Urusniaga sekuriti yang disenaraikan di Bursa hendaklah melalui BSKL atau bursa saham yang diiktiraf oleh BSKL;
- Semua urusniaga sekuriti BSKL mesti melalui sistem dagangan BSKL kecuali diberi kebenaran;
- Syarikat broker saham (SBS) tidak harus uruskan sekuriti bagi pihak pelanggan sekiranya urusniaga berkenaan melibatkan sekuriti di bursa saham yang tidak diiktiraf oleh BSKL.

(b) Peraturan Pendedahan Baru

- Peraturan Kenali Pelanggan – Semua SBS hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memperolehi semua maklumat mengenai pelanggan;
- Seorang pelanggan yang berurusan dengan sekuriti yang disenaraikan di BSKL bagi pihak orang lain, hendaklah

mendedahkan identiti orang yang berkenaan kepada SBS;

- Untuk membuka akaun baru nomini, nama penuh serta semua maklumat waris hendaklah dinyatakan di dalam borang berkenaan;
- Nama serta semua butir-butir waris hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam semua akaun nomini;
- Setiap akaun CDS yang diuruskan oleh nomini hanya dibenarkan seorang waris sahaja. Bagi akaun nomini yang mempunyai lebih dari seorang waris, akaun baru hendaklah dibuka mengikut peraturan baru;
- Bagi akaun sekuriti yang dicagarkan, nomini hendaklah nyatakan 'PLEDGED SEC A/C' diikuti oleh nama waris.

(c) Perniagaan Luar Pasaran dan Penjelasan dan Penyelesaiannya

- SBS dibenarkan menguruskan perniagaan luar pasaran hanya dalam bentuk urusan langsung (*crossings and married deals*).
- Semua urusan langsung hendaklah dijelaskan dan diselesaikan melalui SCANS, iaitu institusi penjelasan yang diiktiraf, mengikut prinsip-prinsip "Sistem Penyelesaian dan Penghantaran Tetap" (seperti Sistem Penyelesaian T+5).
- Yuran penjelasan sebanyak 0.05% daripada nilai kontrak (tertakluk kepada minimum RM25 dan maksimum RM250) akan dikenakan untuk semua urusan langsung;
- Komisen yang ditetapkan oleh SBS ke atas perniagaan langsung boleh dirunding.

(d) Penerbitan Baru Sekuriti

- Semua penerbitan baru oleh syarikat awam yang disenarai (SAS) hendaklah dilakukan dengan mengkreditkan sekuriti berkenaan dalam akaun CDS pemegang sekuriti. Sekuriti baru mungkin wujud melalui terbitan hak, terbitan bonus, penempatan persendirian, skim opsyen saham pekerja, penukaran sekuriti

hutang/waran/TSRs, pindah saham atau sebarang aktiviti korporat yang lain;

- SAS tidak dibenarkan mengeluarkan sijil kepada pemegang sekuriti untuk penerbitan sekuriti baru.

(e) *Simpanan Wajib*

- Pemegang saham syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam BSKL mestilah menyimpan sijil saham mereka dalam MCD dalam jangka masa yang ditetapkan.
- Pemegang sijil saham syarikat yang telah disenaraikan dalam BSKL mestilah menyimpan sijil mereka dengan MCD.

(f) *Pengeluaran*

- Dengan berkuatkuasa serta-merta, semua pengeluaran saham-saham adalah dilarang, kecuali dalam keadaan yang diizinkan dalam notis yang dikeluarkan oleh BSKL (contohnya untuk membolehkan pembelian semula saham; pertukaran sekuriti hutang; proses penstrukturan semula syarikat, dan pembetulan kesilapan).
- Larangan ini adalah selaras dengan arahan BSKL di bawah Seksyen 24, Akta Industri Sekuriti (Penyimpan Pusat) 1991.

(g) *Pindahan*

- Semua permohonan pindahan mestilah menunjukkan sebab-sebab dan disokong oleh dokumen tertentu.

Langkah-langkah ini adalah untuk menentukan supaya perdagangan sekuriti Malaysia dilaksanakan dengan teratur dan adil serta memperbaiki ketelusan dalam pasaran modal Malaysia. Dalam konteks ini, aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penubuhan, operasi dan penyelenggaraan pasaran saham yang bukan pasaran saham BSKL adalah dilarang. Dalam melaksanakan langkah-langkah tersebut, syarikat broker saham adalah diperlukan untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan saham mereka tidak terlibat dalam mewujudkan sebuah bursa saham baru untuk sekuriti Malaysia. Undang-undang dan peraturan MCD telah diubahsuai bagi mencapai matlamat ini tanpa menjejaskan hak penyimpan sebagai pemegang saham.

Industri sekuriti, termasuk pelabur runcit dan institusi, syarikat broker saham dan syarikat awam yang disenaraikan dijangka akan dapat manfaat daripada langkah-langkah baru ini, di mana langkah-langkah ini akan meningkatkan ketelusan dalam perdagangan saham, perlindungan pelabur, kecekapan kos dan keberkesanan sistem secara keseluruhannya. Oleh kerana semua transaksi di luar pasaran berikutan perniagaan perlu dijelaskan dan diselesaikan melalui SCANS, peningkatan pendedahan dan akauntabiliti tanpa menjejaskan 'confidentiality' pelanggan dan pelabur akan terjamin. Langkah-langkah baru ini akan mengurangkan kesan negatif ke atas pasaran saham daripada perniagaan yang tidak teratur di luar pasaran sementara menggerakkan MCD ke arah pencapaian objektif jangka masa panjang iaitu menyimpan semua saham yang diniagakan dalam BSKL sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Mengatasi Defisit Akaun Semasa Imbangan Pembayaran

Kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia telah pulih dalam tahun 1998 dan dijangka mencatat lebih sebanyak RM20 juta. Ini adalah lebih yang pertama sejak 1989. Dalam tempoh 1990 hingga 1997, kedudukan akaun semasa dalam imbangan pembayaran sentiasa mencatatkan defisit. Ini merupakan satu kebimbangan utama pasaran di mana telah dikaitkan dengan kemerosotan keyakinan pelabur berikutan krisis kewangan yang melanda rantau ini sejak pertengahan 1997, sungguhpun saiz defisit telah dikurangkan kepada 5.4% daripada KNK pada tahun 1997 daripada 10.4% dalam tahun 1995. Oleh demikian, langkah-langkah tambahan telah diperkenalkan oleh Kerajaan semasa membentangkan Belanjawan 1998 pada Oktober 1997 bagi mengukuhkan lagi kedudukan imbangan pembayaran. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk memperbaiki daya saing eksport Malaysia, mengurangkan import dan memperkukuhkan akaun perkhidmatan imbangan pembayaran.

Bagi meningkat daya saing eksport Malaysia, insentif cukai diberi berkuatkuasa 1 Januari 1998 bagi syarikat-syarikat di sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan berdasarkan kepada peningkatan nilai eksport seperti berikut:

- (i) bagi sektor perkilangan, syarikat yang mengeksport barangan yang mempunyai nilai ditambah sebanyak 30% adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan

bersamaan sebanyak 10% daripada nilai ditambah eksport, dan syarikat-syarikat yang mengeksport barangan yang mempunyai nilai ditambah sebanyak 50% diberi pengecualian cukai bersamaan 15% daripada peningkatan nilai eksport; dan

- (ii) bagi sektor pertanian dan perkhidmatan, syarikat diberikan satu tahap pengecualian cukai pendapatan iaitu sebanyak 10% daripada peningkatan nilai eksport. Keluaran pertanian yang layak diberi insentif ialah buah-buahan dan bunga-bunga segar. Dalam kes sektor perkhidmatan, perkhidmatan yang layak termasuk kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan profesional.

Di samping itu, bagi membantu sektor swasta dalam mengurangkan kos mengeksport barangannya, kemudahan penggudangan yang digunakan bagi tujuan eksport dan eksport semula telah diberi elaun khas bangunan sebanyak 10%. Ini membolehkan gudang-gudang tersebut disusut nilai sepenuhnya dalam jangkamasa 10 tahun dan bukan lagi 45 tahun.

Beberapa langkah telah diperkenalkan bagi mengurangkan import. Langkah-langkah ini termasuk mengurangkan pergantungan kepada import jentera-jentera dan kelengkapan pembinaan, disebabkan terdapat lebih penawaran jentera dan kelengkapan pembinaan yang terpakai dalam negeri yang boleh diguna semula. Antara langkah-langkah bagi mengurangkan import ialah:

- (i) semua import jentera berat bagi sektor pembinaan perlu dapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kelulusan hanya diberi kepada jentera yang tidak terdapat di dalam negara;
- (ii) duti import barangan pembinaan seperti jubin, marmar, besi dan keluli dinaikkan antara 5% hingga 25% kepada 10% hingga 30%.
- (iii) duti import 5% dikenakan ke atas jentera dan kelengkapan berat seperti kren menara, *forklift*, dan *escalator*;
- (iv) duti import ke atas lori pembuang dan kenderaan serba guna dinaikkan daripada 0% dan 30% hingga 50%;

- (v) duti import ke atas kenderaan kegunaan khas seperti kren lori dan lori pembancuh konkrit dinaikkan daripada 35% kepada 50%; dan
- (vi) Kadar elaun modal permulaan bagi jentera berat yang diimport dikurangkan daripada 20% kepada 10% dan elaun tahunan dikurangkan daripada antara 12% dan 20% kepada 10%.

Pada masa yang sama, bagi menggalakkan penggantian import ke atas barangan penggunaan, duti import ke atas beberapa barangan penggunaan dinaikkan daripada 25% kepada 30%. Kebanyakan barangan penggunaan ini adalah dikeluarkan dalam negeri. Antaranya ialah peti sejuk, pembersih hampagas, ketuhar gelombang dan mesin penggilap lantai. Bagi menggalakkan penggunaan barangan berjenama tempatan, perbelanjaan ke atas pengiklanan barangan tempatan dalam negeri telah diberi pemotongan cukai dua kali untuk tujuan cukai pendapatan. Dutu import ke atas kenderaan bermotor terutamanya kategori mewah iaitu kereta, van, pacuan empat roda dan motosikal, samada dalam bentuk siap dipasang (CBU) atau dalam bentuk komponen terurai (CKD) dinaikkan seperti berikut:

- (i) duti import ke atas kereta CBU dinaikkan daripada di antara 140 peratus dan 200% kepada di antara 140% dan 300%, manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 42% kepada tahap maksimum 80%;
- (ii) duti import ke atas van CBU dinaikkan daripada 35% kepada di antara 42% dan 140%, manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 5% kepada tahap maksimum 40%;
- (iii) duti import ke atas kenderaan pacuan 4 roda dan kenderaan pelbagaiguna dalam bentuk CBU dinaikkan daripada 50% kepada di antara 60% dan 200%, manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 5% kepada tahap maksimum 40%;
- (iv) duti import ke atas motosikal CBU dinaikkan daripada 60% kepada di antara 80% dan 120%, manakala duti import ke atas CKD dinaikkan daripada 5% kepada tahap maksimum 30%, dan
- (v) di samping itu, duti eksais dinaikkan daripada tahap maksimum 20% kepada tahap maksimum 50%. Cukai jualan sebanyak 10% dikenakan ke atas motosikal yang kapasiti enjinnya melebihi 200 c.c. Cukai jalan bagi

motosikal yang kapasiti enjinnya melebihi 200 c.c. dan ke atas dinaikkan antara RM100 dan RM130 kepada antara RM150 dan RM400 setahun.

Langkah-langkah tambahan bertujuan untuk mengatasi defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran juga diperkenalkan semasa pembentangan Belanjawan 1998. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) memperuntukkan kadar cukai konsesi 5% dikenakan ke atas pendapatan yang diperolehi daripada pengendalian perniagaan insurans semula hayat alir masuk asing bagi menggalakkan pertumbuhan industri insurans semula nyawa.
- (ii) Menaikkan bayaran ke atas dokumen perjalanan antarabangsa daripada RM145 dan RM265 kepada RM300 dan RM600 dan dokumen perjalanan terhad dinaikkan daripada RM60 kepada RM150. Ini adalah untuk mengurangkan perjalanan luar negara; dan
- (iii) Menarik balik pelepasan tambahan yang diberikan untuk anak yang belajar di institusi pengajian tinggi luar negara. Walau bagaimanapun, bagi pelajar-pelajar yang telah memulakan pengajian di luar negeri, pelepasan maksimum sehingga dua kali ganda akan dikekalkan sehingga pelajar-pelajar berkenaan tamat pengajian mereka. Ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai pelajar Malaysia belajar dalam negeri. Bagi ibu bapa yang menghantar anak belajar di institusi pengajian tinggi tempatan, pelepasan cukai empat kali ganda kadar pelepasan anak dikekalkan.

Berikutan pengenalan langkah-langkah tersebut dan kejatuhan jumlah import akibat kesan kuncupan krisis kewangan, kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran telah mencatatkan lebih sebanyak RM15 bilion pada tempoh separuh pertama tahun 1998.

Mengurangkan Jurang Tabungan – Pelaburan

Peningkatan tabungan negara adalah penting bagi memastikan sumber dalam negeri cukup untuk membiayai pembentukan modal dalam negara

tanpa bergantung kepada sumber luar negara terutamanya pinjaman luar. Sungguhpun kadar tabungan negara adalah tinggi mengikut piawaian antarabangsa iaitu 39.4% daripada KNK pada tahun 1997, kadar pelaburan negara pula adalah lebih tinggi, iaitu 44.8% daripada KNK. Keadaan ini telah menyebabkan jurang tabungan-pelaburan sebanyak 5.4% daripada KNK pada tahun 1997, yang mana terpaksa dibiayai melalui dana asing. Defisit tabungan-pelaburan yang berlaku sejak 1990 adalah disebabkan oleh sektor swasta. Bagi mengurangkan pergantungan kepada sumber pembiayaan luar, wajar tabungan negara digalakkan. Oleh yang demikian, semasa pembentangan Belanjawan 1998, langkah-langkah tambahan seperti berikut telah diperkenalkan bagi menggalakkan tabungan sektor swasta:

- (i) Meningkatkan had maksimum pelaburan dalam Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera kepada RM200,000 daripada RM100,000.
- (ii) Potongan cukai bagi caruman sukarela oleh majikan kepada Kumpulan Wang Simpan Pekerja (KWSP) dinaikan daripada 5% kepada 7%, menjadikan jumlah potongan yang dibenarkan sebanyak 19%. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1998. Sebelum ini, caruman yang dibuat oleh majikan kepada KWSP dan skim-skim yang diluluskan dibenarkan sebagai potongan cukai sehingga 17%. Daripada jumlah ini, 12% adalah caruman mandatori dan yang baki 5% adalah caruman sukarela;
- (iii) Pengurangan cukai korporat sebanyak 2 mata peratusan dari 30% kepada 28% berkuatkuasa tahun taksiran 1998.

Berikutan langkah-langkah penggalakan tabungan serta pelaburan swasta yang lebih rendah disebabkan lebih kapasiti pengeluaran, tabungan negara dijangka melebihi tahap pelaburan sekitar RM20 bilion pada tahun 1998. Lebih ini dijangka dijanakan oleh sektor swasta termasuk isirumah, yang boleh digunakan untuk membiayai sebahagian daripada defisit belanjawan yang dijangka pada tahun 1998 dan 1999.

Penyesuaian Dasar Fiskal Dengan Perubahan Persekitaran Ekonomi

Apabila Belanjawan 1998 dirangka pada bulan Oktober 1997, iaitu ketika pasaran kewangan

mengalami pergolakan, pertumbuhan ekonomi masih mantap sungguhpun lebih perlahan. Kebimbangan utama pada ketika itu ialah akaun semasa imbalan pembayaran terus mencatat defisit, manakala tabungan negara tidak cukup untuk membiayai pelaburan. Jurang tabungan-pelaburan dalam tempoh 1990 hingga 1997 adalah disebabkan ketidakcukupan sumber sektor swasta untuk membiayai pelaburannya. Berdasarkan keadaan makroekonomi ini, pendekatan dasar fiskal seharusnya berhemat dan terkawal. Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan tabungan negara, yang mana sektor swasta boleh mengemblengnya bagi membiayai pelaburan mereka. Ini akan mengurangkan pergantungan ke atas sumber luar negara untuk pembiayaan yang diperlukan. Selaras dengan objektif ini, lebih keseluruhan sebanyak 3.2% daripada KNK telah dirancang untuk Belanjawan 1998. Ini dijangka dapat dicapai, antaranya, dengan mengurangkan perbelanjaan mengurus yang kurang penting, mengecilkan saiz perkhidmatan awam, menggabungkan agensi-agensi Kerajaan dan menswastakan aktiviti-aktiviti Kerajaan. Projek-projek yang kurang kritikal ditangguhkan bagi mengurangkan kadar pertumbuhan pembentukan modal, memandangkan tidak cukupnya tabungan negara bagi membiayai pelaburan. Bagaimanapun pemotongan dan penangguhan perbelanjaan ini perlu dilaksanakan secara bijaksana tanpa menjejaskan perkhidmatan sosial yang asas seperti kesihatan dan pendidikan yang mana amat penting untuk meningkatkan kualiti sumber manusia, program pembasmian kemiskinan dan pembangunan infrastruktur yang akan menjana pertumbuhan ekonomi.

Memandangkan krisis kewangan masih berlarutan dan berpotensi menimbulkan berbagai risiko, dasar fiskal sebaik sahaja selepas pembentangan Belanjawan 1998 telah terus ditumpukan ke arah mengurangkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran, yang telah menjejaskan kedudukan rizab luar negeri. Kedudukan rizab luar negeri yang kukuh adalah perlu bagi meningkatkan daya tahan ekonomi kepada kejutan luaran. Untuk mengukuhkan kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran, permintaan dalam negeri, terutamanya bagi projek-projek yang mengandungi kandungan import yang tinggi, perlu dikurangkan. Berdasarkan anggaran semula hasil Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan kemerosotan yang ketara pada tahun 1998, dasar fiskal ketika itu memerlukan pemotongan perbelanjaan Kerajaan yang besar

untuk mengekalkan lebih belanjawan yang disasarkan untuk tahun 1998. Ini adalah juga untuk meningkatkan tabungan, di samping mengurangkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran. Justeru, pada 8 Disember 1997, Kerajaan telah mengumumkan pemotongan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sekurang-kurangnya 18% dalam tahun 1998, bermula dengan pemotongan secara keseluruhan 10% dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan dan 8% secara terpilih. Untuk mengurangkan kesan krisis ekonomi serantau ke atas rakyat berpendapatan rendah, Kerajaan pada 24 Mac 1998 telah memperuntukkan tambahan RM1 bilion untuk membiayai projek-projek pengeluaran makanan bagi pekebun-pekebun kecil, program kredit-mikro untuk penjaja, kemudahan pendidikan dan kesihatan, kemudahan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia.

Bagaimanapun, perkembangan makroekonomi pada suku tahun kedua 1998 jelas menunjukkan bahawa kebimbangan yang memerlukan kawalan perbelanjaan terlebih terdahulu sudahpun di atasi. Kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran telah mencatatkan lebih buat pertama kalinya semenjak tahun 1989. Ini disebabkan oleh pengurangan yang ketara dalam jumlah import, sebahagiannya kesan dari langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan import dan sebahagiannya kesan dari penguncupan permintaan dalam negeri akibat krisis kewangan yang melanda rantau ini. Berdasarkan perubahan keadaan makroekonomi ini, tumpuan dasar harus di arahkan untuk memulihkan aktiviti ekonomi dalam negeri melalui dorongan fiskal. Justeru, pada bulan Julai 1998, Kerajaan mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM7.0 bilion bagi membiayai perbelanjaan pembangunan, yang mana sebahagiannya untuk membiayai Danaharta. Untuk memastikan peruntukan tambahan perbelanjaan pembangunan dapat mendorong pertumbuhan ekonomi secara maksimum, projek-projek yang dipilih adalah yang mempunyai rantai yang tinggi dengan ekonomi dan mempunyai kandungan import yang minimum. Projek-projek yang dipilih harus mempunyai keupayaan meningkatkan kecekapan ekonomi dan menjanakan barangan dan perkhidmatan bagi menggantikan import dan meningkatkan eksport. Projek-projek yang boleh membantu dalam menangani agenda sosial seperti pembasmian kemiskinan juga diberi keutamaan dalam peruntukan perbelanjaan. Di antara projek-projek yang dipilih adalah yang berkaitan dengan

pertanian, perumahan, pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan kemudahan awam, pembangunan industri, pembangunan luar bandar, program pembasmian kemiskinan dan *cyberview*.

Di samping itu, satu Dana Pembangunan Pasarana, dengan peruntukan awal sebanyak RM5 bilion, ditubuhkan untuk membantu membiayai projek-projek infrastruktur dan projek-projek yang terlibat dengan kemudahan awam yang besar bagi memastikan pelaksanaannya tidak ditangguhkan. Projek-projek ini termasuk sistem pengangkutan rel-mass transit, pelabuhan, lebuh raya, bekalan air, pelupusan sisa pepejal serta projek pembentungan.

Dengan tambahan peruntukan ini ketika hasil Kerajaan dijangka berkurangan, kedudukan keseluruhan belanjawan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit pada tahun 1998, iaitu pertama kali semenjak tahun 1993. Bagaimanapun, tambahan peruntukan ini adalah perlu untuk mengelakkan ekonomi daripada terperangkap dalam kegawatan yang berterusan yang boleh menimbulkan masalah sosio-ekonomi yang tidak diingini. Dalam menyediakan dorongan fiskal, Kerajaan akan memastikan defisit fiskal adalah pada tahap berhemat, supaya dalam usaha mendapatkan sumber membiayai defisit ini, laluan sektor swasta untuk mendapatkan kemudahan dana pelaburan tidak terjejas dan nisbah khidmat hutang luar negara kekal rendah.

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara

Penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara pada 7 Januari 1998 merupakan perkembangan utama dalam usaha Kerajaan menangani masalah ekonomi yang tercetus akibat kesan penularan krisis kewangan yang melanda rantau ini. Cadangan-cadangan dari Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang terkandung dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara merupakan asas bagi penggubalan tindakan dasar susulan untuk memulihkan ekonomi dan mengelakkannya dari terperangkap dalam kemelesetan yang berterusan. Pelan Pemulihan Ekonomi Negara mengandungi enam bidang tindakan strategik untuk menangani krisis kewangan dan mengelakkan kesan negatifnya ke atas ekonomi negara. Langkah-langkah tersebut bertujuan untuk menstabilkan ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, memperkukuhkan

asas-asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosio-ekonomi serta memulihkan sektor-sektor ekonomi yang terjejas. Keputusan-keputusan dasar utama yang telah dilaksanakan selaras dengan objektif Pelan Pemulihan Ekonomi Negara adalah termasuk penubuhan Danaharta dan Danamodal serta langkah-langkah yang diambil oleh BSKL baru-baru ini untuk meningkatkan ketelusan dalam pasaran saham tempatan dan oleh Bank Negara Malaysia untuk menstabilkan ringgit. Untuk memastikan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dilaksanakan dengan cepat, jabatan dan agensi Kerajaan telah diarahkan membuat laporan maklumbalas kepada Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara dua minggu sekali mengenai kemajuan pelaksanaan cadangan-cadangan yang terkandung dalam pelan pemulihan berkenaan.

Kesimpulan

Pelbagai langkah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini dijangka dapat merangsangkan permintaan dalam negeri bermula daripada suku keempat 1998. Diiringi oleh dorongan fiskal yang akan dicadangkan dalam pembentangan Belanjawan 1999, langkah-langkah ini dijangka dapat memulihkan semula ekonomi pada tahun 1999 daripada kemelesetan. KDNK benar dijangka pulih dengan pertumbuhan sebanyak 1% pada tahun 1999, sekiranya permintaan luar negara stabil.

Beberapa langkah yang telah diperkenalkan telahpun menampakkan hasil. Misalnya, pengurangan SRR dan kadar campur tangan BNM telah meningkatkan mudahtunai dalam sistem perbankan dan menyediakan lebih banyak dana untuk dipinjamkan kepada peminjam pada kadar yang lebih rendah. Kadar BLR bank perdagangan telah berkurangan daripada kadar tertingginya sebanyak 12.27% pada akhir bulan Jun 1998 kepada 8.92% menjelang akhir bulan September, iaitu membawa semula kadar faedah kepada tahap sebelum berlakunya krisis kewangan (akhir Jun 1996: 8.93%). Adalah dijangkakan pada akhir Oktober, BLR dapat dikurangkan kepada maksimum 8.5%. Adalah dianggarkan bahawa pengurangan kadar pinjaman sebanyak 1 mata peratusan akan dapat mengurangkan jumlah kos pembiayaan sektor korporat sebanyak 1%-2%. Ini akan menggalakkan sektor korporat menceburi bidang pelaburan baru memandangkan lebih

banyak projek akan menguntungkan dengan penurunan kos pinjaman. Bagi isirumah pula, kadar faedah yang rendah akan mengurangkan bayaran faedah pinjaman perumahan mereka dan seterusnya akan meningkatkan kuasa beli mereka dan merangsangkan permintaan dalam negeri. Bagi institusi perbankan, hutang tidak berbayar akan lebih mudah dijelaskan, memandangkan kadar faedah yang lebih rendah membolehkan peminjam membayar hutang mereka. Ini akan menggalakkan institusi perbankan meningkatkan pinjaman mereka dan seterusnya menyokong proses pemulihan ekonomi.

Susulan daripada pelonggaran garis panduan sewa-beli, jualan kereta penumpang baru telah meningkat kepada 13,658 unit pada bulan Ogos 1998, iaitu lebih daripada dua kali ganda bilangan unit jualan pada awal 1998 (Februari 1998: 5,641 unit). Peningkatan jualan kereta penumpang ini adalah juga disebabkan oleh pengurangan kadar faedah ke atas sewa-beli daripada 10% kepada 8.75% – 9%. Ini dapat membantu mencergaskan semula industri automobil serta industri kecil dan sederhana yang membekalkan komponen kepada industri ini.

Pelonggaran dasar kewangan yang berterusan serta pelaksanaan kawalan modal dan langkah-langkah yang diambil oleh BSKL, SCANS dan MCD pada bulan September 1998 telah

memulihkan sentimen pasaran tempatan. Indeks komposit BSKL melonjak kepada 385.45 mata pada 22 September 1998, setelah mencapai tahap terendahnya sebanyak 262.70 mata pada 1 September 1998. Pemulihan nilai pasaran, walaupun sederhana, akan menjanakan kesan kekayaan positif dalam memulihkan keyakinan pengguna dan pelabur. Ini seharusnya akan meningkatkan perbelanjaan tempatan dan seterusnya aktiviti ekonomi.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk merangsangkan permintaan dalam negeri dan mencergaskan aktiviti ekonomi tidak akan menimbulkan tekanan terhadap inflasi. Pada hakikatnya, inflasi telah berkurangan semenjak Julai 1998. Penetapan kadar pertukaran ringgit pada tahap RM1 = AS\$0.2632 sejak 2 September 1998 dijangka dapat terus membendung inflasi, memandangkan harga barangan dan perkhidmatan yang diimport dijangka stabil pada kadar pertukaran ini. Dengan inflasi dijangka terus berada pada paras yang rendah dan akaun semasa imbalan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan pada tahun 1999, pendekatan dasar kewangan dan fiskal yang lebih longgar akan terus dapat diamalkan bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi tanpa menjejaskan kestabilan harga dalam negeri dan keseimbangan pembayaran luaran.